

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	01 JANUARY 2017

BR1M *um- 1/1/2017*

TIDAK perlu orang lain menjatuhkan lagi reputasi Dr. Mahathir Mohamad, cukup dengan kenyataan demi kenyataan yang dibuatnya kebelakangan ini. Terbaru, dakwaan beliau kononnya pemberian BR1M kepada rakyat adalah rasuah mengundang bantahan pelbagai pihak, daripada rakyat sehinggalah kepada pemimpin dan mufti.



MAHATHIR

Lebih-lebih lagi kepada rakyat penerima BR1M, apa yang Mahathir lemparkan itu suatu penghinaan sedangkan rakyat berhak menerima bantuan seperti itu yang cukup bermakna. Mesej semua kepada Mahathir, BR1M bukan rasuah. Awang sedih kenyataan seumpama itu datang daripada seorang negarawan yang pernah 22 tahun menjadi Perdana Menteri. Usahlah merapu iaitu bercakap secara tidak rasional disebabkan amarah dan dendam.

Salahkah kerajaan meringankan beban golongan rakyat berpendapatan rendah, yang bukan kaya seperti Mahathir dan keluarganya. Untuk apa menafikan hak rakyat?

Walaupun BR1M diperkenalkan pada era Perdana Menteri, Mohd. Najib Tun Razak, beliau seharusnya berlapang dada memperakukan kebajikannya. Bantuan itu adalah konsisten, bukannya bermusim.

Ramai pemimpin pembangkang termasuk Presiden PKR, Dr. Wan Azizah bersikap realistik dengan menyanggah kenyataan Mahathir berhubung isu tersebut.

Cuma beberapa kerat termasuk Menteri Besar Selangor, Azmin Ali juga Timbalan Presiden PKR, menyokong Mahathir. Awang percaya jika Azmin mahu menghentikan BR1M di Selangor, rakyat akan bangkit menentang kerana merampas hak mereka. Lagipun bantuan BR1M bukanlah menyamai banyak *bailout* menelan puluhan bilion ringgit ketika era pentadbiran Mahathir - diperoleh pihak tertentu sahaja.

Sebaliknya BR1M adalah sumbangan untuk kesejahteraan rakyat, yang kaedah itu dipuji serta diperakukan oleh institusi kewangan dunia.

Janganlah Mahathir menjatuhkan keyakinan diri untuk bersaing politik dengan Najib hanya kerana faktor BR1M. Atau itu bertujuan mencari alasan memandangkan gerakan politiknya yang tidak mendapat sambutan rakyat. Isu lebih besar adalah bagaimana Parti Pribumi Bersatu Malaysia, yang diasaskannya dapat membina keyakinan rakyat dengan perspektif yang realistik dan terbaik. Awang tertarik dengan komen ADUN Ketereh, Md. Alwi Che Ahmad yang meminta Mahathir kembali ke pangkal jalan supaya rakyat menghormatinya sebagai negarawan.

Beliau menyifatkan tindak-tanduk bekas Perdana Menteri itu sudah keterlaluan. Awang setuju. Pemimpin bukan sahaja dinilai dengan apa yang dimulakan tetapi bagaimana pengakhirannya.